

29 OCT 2001

Mahathir-Air

R & D DIPERLUKAN BAGI PENGURUSAN AIR DI NEGARA MEMBANGUN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan penubuhan sebuah badan yang mewakili negara-negara membangun bagi menjalankan kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) pengurusan air dan air buangan.

Perdana Menteri berkata organisasi seperti itu akan dapat membantu negara-negara membangun yang memerlukan khidmat nasihat dalam pengurusan air dan alam sekitar.

Beliau berkata sebuah polisi yang mengawalselia peraturan dan pengurusan sumber air di negara-negara membangun juga mungkin diperlukan.

"Kita tidak mahu menghalang pembangunan tetapi kita mesti berhati-hati dan cekap dalam menguruskan sumber air," katanya semasa merasmikan Persidangan Persatuan Bekalan Air Antarabangsa (IWA) mengenai Pengurusan Air dan Air Buangan untuk Negara-Negara Membangun di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata negara-negara membangun boleh bekerjasama dan belajar daripada pengalaman dan kesilapan masing-masing atau di negara-negara maju bagi mengelak daripada mengulangi kesilapan yang telah dilakukan.

Katanya, walaupun kehendak para pencinta alam sekitar yang mahukan sungai-sungai dikekalkan dalam keadaan asal dihargai namun ia tidak selalunya dapat dilakukan di negara yang pesat membangun seperti Malaysia.

"Kita perlukan kawasan kediaman bagi perkembangan penduduk. Pendekatan yang patut diambil bukannya dengan menghentikan pembangunan tetapi menerusi perancangan yang rapi dan usaha pengekalan bekalan dan kualiti air," katanya.

Dr Mahathir berkata usaha sedemikian boleh dilakukan dan rakyat serta kerajaan perlu menanggung kosnya jika mahukan kualiti kehidupan dikekalkan.

Perdana Menteri berkata masalah kemiskinan adalah punca utama pencemaran air dengan sungai secara tradisinya dianggap sebagai sistem pembuangan semula jadi.

Namun cara pembuangan sisa yang lebih baik perlu dipelajari walaupun oleh mereka yang dibelenggu kemiskinan, katanya.

"Ia satu masalah budaya. Jika kebersihan menjadi sebahagian budaya masyarakat maka masalah pencemaran sungai akan dapat dicegah," katanya.

Bagi menggariskan komitmen Malaysia terhadap pengurusan air dan air buangan, Dr Mahathir berkata kerajaan telah membentuk Majlis Sumber Air Kebangsaan pada 1998 bagi memastikan sumber air diuruskan dengan lebih efektif dan efisien daripada perspektif bersepadu.

Katanya, Malaysia juga telah menggunakan pendekatan pengurusan lembangan sungai dan tidak lagi menguruskan sesebuah sungai itu secara sendiri dan isolasi.

"Matlamat utama kita ialah untuk meningkatkan kualiti air sungai sementara mengekalkan aliran pada kadar yang diperlukan menerusi kawalan empangan dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan meningkatkan mutu air sungai, lebih banyak air dapat diperolehi di bahagian hilir untuk dirawat dan dibekalkan bagi memenuhi permintaan yang sentiasa bertambah.

Antara topik perbincangan persidangan tiga hari itu ialah mengenai pengurusan kumbahan serta pembangunan sumber manusia dalam sektor air dan air buangan.

Selain IWA, turut menganjurkan persidangan itu ialah Persatuan Pengurusan Dan Penyelidikan Alam Sekitar Malaysia, Universiti Teknologi

Malaysia dan Pusat Teknologi Alam Sekitar Universiti Murdoch, Australia.  
-- BERNAMA  
MAM AZZ MOZ